



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**25 Januari 2022
22 Jamadilakhir 1443H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Lapor aktiviti berkaitan bom ikan
Kosmo !	• Lima juta benih ikan air tawar akan dilepaskan di sungai Perak
Sinar Harian	• Orang ramai perlu lapor aktiviti bom ikan
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		12	25/12/2022



AHMAD melepaskan benih ikan air tawar ke sungai pada Program Pelepasan Benih Ikan di Sungai Batang Padang, Tapah semalam.

KOSMO m/s 12 25/12/2022

Lima juta benih ikan air tawar akan dilepaskan di sungai Perak

TAPAH – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Perikanan (DOF) bercadang melepaskan lima juta benih ikan air tawar di sungai-sungai di seluruh Perak tahun ini.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, cadangan itu adalah sebahagian daripada langkah untuk menambah populasi ikan air tawar yang semakin berkurangan di negeri itu.

“Disebabkan beberapa kea-

daan yang tidak dapat dielakkan, populasi ikan (air tawar) semakin berkurangan terutamanya kehadiran ikan-ikan yang tidak ingini berada di dalam sungai.

“MAFI melalui Jabatan Perikanan bercadang melepaskan lima juta benih ikan di dalam sungai-sungai di Perak dan kita harap cara ini akan dapat menambah populasi ikan air tawar,” katanya selepas melepaskan 10,000 benih ikan lampam dan terbul pada Pro-

gram Pelepasan Benih Ikan ke Perairan Umum Sungai Batang Padang di Kampung Dusun Muda di sini semalam.

Katanya lagi, setiap tahun hampir dua juta ekor benih ikan terdiri daripada pelbagai spesies dengan nilai hampir RM500,000 dilepaskan di negeri ini.

Beliau turut menambah, lebih 3,000 tan ikan sungai pula telah didaratkan di Perak pada 2020 melibatkan nilai RM45 juta.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO 1		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		25	25/1/2022

SA M15 25 25/1/2022

Orang ramai perlu lapor aktiviti bom ikan

TAPAH - Orang ramai perlu melaporkan sebarang aktiviti menangkap ikan terutama di sungai yang menggunakan kaedah dilarang.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, kaedah seperti menuba dan menggunakan bom boleh memberi kesan terhadap populasi dan spesies ikan sungai sedia ada yang menjadi mata pencarian nelayan darat.

Menurutnya, kementerian melalui Jabatan Perikanan sendiri menerima laporan dan aduan daripada kumpulan nelayan mengatakan banyak aktiviti pengeboman ikan telah dilakukan.

"Jadi, buatlah laporan supaya pihak berkuasa dapat ambil tindakan kepada mereka yang tidak bertanggungjawab ini.

"Kita pun ada mewujudkan pasukan pemantau yang membuat rondaan secara

berkala dengan harapan kehadiran pasukan ini sekurang-kurangnya dapat menakutkan mereka," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan program Pelepasan Benih Ikan ke Perairan Umum Sungai Batang Padang di Kampung Dusun Muda, di sini pada Isnin.

Pada majlis itu, lebih 10,000 benih ikan daripada spesies lampam dan terbul dilepaskan.

Dalam perkembangan sama, Ahmad berkata, sebanyak 5 juta benih ikan air tawar pelbagai spesies antaranya kelah, temoleh, kelisa dan baung akan dilepaskan secara berperingkat di sungai-sungai di Perak, tahun ini.

"Kita berharap dengan usaha dilakukan Jabatan Perikanan ini akan dapat memperkayakan semula ikan asli di perairan umum Perak bagi manfaat lebih 3,000 nelayan darat di negeri ini," katanya.



Ahmad melakukan pelepasan benih ikan di perairan umum Sungai Batang Padang, Tapah pada Isnin.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO /		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI Sabah Media		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		ONLINE	25/1/2022

Lapor aktiviti berkaitan bom ikan

BERNAMA



AHMAD Hamzah (empat, kanan) melepaskan anak ikan ke Sungai Batang Padang di Kampung Dusun Muda.

Tapah: Orang ramai perlu melaporkan kepada pihak berkaitan sekiranya terdapat kegiatan menangkap ikan di sungai melalui kaedah terlarang termasuk secara bom.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, pihaknya tidak mahu kaedah seperti meracun, menggunakan bom atau renjatan elektrik untuk memperoleh ikan berleluasa kerana akan merosakkan ekosistem dan sumber perikanan sungai.

"Jabatan Perikanan Malaysia juga mempunyai pasukan pemantau yang akan membuat rondaan secara berkala dari semasa ke semasa dan sekurang-kurangnya kehadiran pasukan pemantau ini akan menakutkan mereka (individu menangkap ikan menggunakan kaedah terlarang)," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas melepaskan kira-kira 10,000 benih ikan lampam dan terbul ke Perairan Umum Sungai Batang Padang di Kampung Dusun Muda di sini, hari ini.

Dalam perkembangan lain, Ahmad berkata, Jabatan Perikanan Perak akan melepaskan lima juta benih pelbagai spesies ikan air tawar secara berperingkat di beberapa sungai di negeri ini.

Beliau berkata, ia sebahagian langkah kerajaan dalam menambah populasi ikan air tawar yang semakin berkurangan memandangkan ia merupakan sumber rezeki kepada nelayan darat.

"Oleh sebab beberapa keadaan yang tidak dapat dielakkan, populasi ikan air tawar semakin berkurangan terutama kehadiran ikan-ikan yang tidak diingini berada di dalam sungai.

"Jadi, pelepasan benih ikan ini dapat menambah populasi ikan air tawar," katanya.

Menurut Ahmad, setiap tahun lebih kurang dua juta benih ikan terdiri daripada pelbagai spesis bernilai hampir RM500,000 dilepaskan di negeri ini dengan sebahagian benih itu adalah keluaran Jabatan Perikanan Malaysia dan melalui peruntukan kewangan kerajaan negeri dan Persekutuan.

Disiarkan pada: Januari 24, 2022 @ 4:00pm